BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 01/05/67 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Jumaat, 28 Januari 2005**

Perkembangan Monetari dan Kewangan pada Disember 2004
Maklumat Utama Siaran Akhbar

Aktiviti pembiayaan sektor swasta bertambah kukuh

Sistem perbankan terus bertambah kukuh pada bulan Disember. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi enam bulan semakin bertambah baik pada 5.9%, paras terendah sejak krisis Asia. Dengan persekitaran kadar faedah yang turut menggalakkan, peningkatan dalam keupayaan sistem perbankan dan kedudukan kewangan yang lebih kukuh telah menyumbang kepada peningkatan jumlah pembiayaan kepada sektor swasta. Pinjaman terkumpul sistem perbankan dan pegangan sekuriti hutang swasta berkembang pada kadar tahunan 7.7%, lantas mendorong aktviti ekonomi sektor swasta.

Dalam sektor perniagaan, penunjuk pinjaman utama bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mencatat pertumbuhan yang tinggi pada bulan Disember. Permohonan pinjaman, kelulusan pinjaman dan pengeluaran pinjaman, masing-masing meningkat pada kadar tahunan 49.5%, 41.4% dan 12.9%. Secara keseluruhan, pinjaman terkumpul kepada PKS tumbuh sebanyak 7.7% pada asas tahunan.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 01/05/67 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Jumaat, 28 Januari 2005**

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN DISEMBER 2004


Aktiviti pembiayaan sektor swasta bertambah kukuh

Sistem perbankan terus bertambah kukuh pada bulan Disember. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi enam bulan semakin bertambah baik pada 5.9%, paras terendah sejak krisis Asia. Dengan persekitaran kadar faedah yang turut menggalakkan, peningkatan dalam keupayaan sistem perbankan dan kedudukan kewangan yang lebih kukuh telah menyumbang kepada peningkatan jumlah pembiayaan kepada sektor swasta. Pinjaman terkumpul sistem perbankan dan pegangan sekuriti hutang swasta berkembang pada kadar tahunan 7.7%, lantas mendorong aktviti ekonomi sektor swasta.


Dalam sektor perniagaan, penunjuk pinjaman utama bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mencatat pertumbuhan yang tinggi pada bulan Disember. Permohonan pinjaman, kelulusan pinjaman dan pengeluaran pinjaman, masing-masing meningkat pada kadar tahunan 49.5%, 41.4% dan 12.9%. Secara keseluruhan, pinjaman terkumpul kepada PKS tumbuh sebanyak 7.7% pada asas tahunan.

Kadar faedah stabil


Pada tempoh 1 Disember 2004 – 27 Januari 2005, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 2.67 – 2.73%, iaitu pada purata 2.70%.




Kadar antara bank semalaman kekal stabil



Kadar antara bank lain juga kekal stabil




Operasi mudah tunai menguncup pada bulan Disember bagi mengimbangi impak operasi luaran yang mengembang




Nisbah pembiayaan-deposit berada pada 87.6%

Kadar pemberian pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah, masing-masing pada 5.98% dan 6.90% pada akhir bulan Disember. Kadar pemberian pinjaman purata (ALR) bank perdagangan meningkat sedikit kepada 5.98% (5.97% pada akhir bulan November) sementara ALR syarikat kewangan lebih rendah sedikit pada 8.78% (8.81% pada akhir bulan November).




ALR bank perdagangan lebih tinggi sedikit sementara ALR syarikat kewangan menurun sedikit




	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Nov 04	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
Dis 04	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
21 Jan 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70

Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Nov 04	3.00	3.00	3.02	3.05	3.70
Dis 04	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70
21 Jan 05	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70

Kadar deposit tetap syarikat kewangan kekal stabil





Kadar deposit tetap benar 3 bulan meningkat ekoran inflasi yang lebih rendah pada bulan Disember

Prestasi ringgit

Pada bulan Disember 2004, ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau. Susut nilai ringgit ini mencerminkan dolar Amerika Syarikat (AS) yang semakin lemah pada tempoh tersebut, dengan mata wang AS mencecah paras yang paling rendah iaitu $1.3619 berbanding dengan euro pada 30 Disember 2004 dan $1.9455 berbanding dengan paun sterling pada 21 Disember 2004, iaitu paras yang terendah bagi tempoh 14 tahun. Dolar menyusut nilai berikutan kebimbangan pasaran mengenai ketidakseimbangan perdagangan dan fiskal AS yang lebih ketara meskipun terdapat kenaikan pada tanda aras kadar faedah serta pertumbuhan ekonomi AS yang lebih mantap pada suku ketiga. Di peringkat serantau, ringgit meningkat nilai sebanyak 3.2% berbanding dengan rupiah Indonesia dan menyusut nilai sebanyak 1.6% berbanding dengan peso Filipina disebabkan peso telah menjadi kukuh hasil daripada aliran masuk penghantaran pulang perolehan untuk tujuan percutian akhir tahun.

Bagi tempoh 1-27 Januari 2005, dolar telah menjadi kukuh berbanding dengan euro dan paun sterling. Namun berbanding dengan yen, dolar mencapai paras yang paling rendah bagi tempoh lima tahun iaitu pada 102.095 pada 17 Januari 2005 disebabkan oleh data terkini yang menunjukkan defisit perdagangan AS semakin membesar pada bulan November 2004. Walau bagaimanapun, semenjak itu dolar telah pulih sedikit untuk mencatat sedikit kenaikan berbanding dengan yen. Sementara itu, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.8% berbanding dengan rupiah Indonesia, 1.7% berbanding dengan peso Filipina, 1% berbanding dengan baht Thai dan 0.7% berbanding dengan won Korea. Ringgit, walau bagaimanapun, kekal tidak berubah berbanding dengan dolar Singapura.






Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM per mata wang asing	Akhir tempoh				% Perubahan			
	02 Sep 98	Dis 03	Dis 04	27 Jan 05	Dis 04	Akhir Dis 04 - 27 Jan 05	Akhir Dis 03 - 27 Jan 05	02 Sep 98 - 27 Jan 05
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.7783	5.1729	4.9655	-2.6	4.2	-3.8	-
Paun sterling	6.3708	6.7678	7.3169	7.1522	-1.9	2.3	-5.4	-10.9
100 yen Jepun	2.7742	3.5546	3.7026	3.6825	-0.5	0.5	-3.5	-24.7
Dolar Singapura	2.1998	2.2342	2.3258	2.3259	-0.5	0.0	-3.9	-5.4
100 baht Thai	9.3713	9.5947	9.7636	9.8663	-1.6	-1.0	-2.8	-5.0
100 peso Filipina	8.8302	6.8431	6.7706	6.8859	-0.1	-1.7	-0.6	28.2
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0449	0.0408	0.0416	3.1	-1.8	7.9	-14.9
100 won Korea	0.2827	0.3180	0.3671	0.3697	-1.2	-0.7	-14.0	-23.5

Inflasi stabil


Kadar inflasi tahunan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP, 2000=100) stabil pada paras 2.1% pada bulan Disember (2.2% pada bulan November), disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang perlahan dalam harga buah-buahan dan sayur-sayuran. Kadar inflasi tahunan purata bagi tahun 2004 lebih tinggi sedikit, iaitu pada paras 1.4% berbanding dengan 1.2% pada tahun 2003.



Inflasi bulan Disember pada 2.1%

Kadar pertumbuhan tahunan harga pengeluar terus sederhana

Kadar pertumbuhan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR, 1989=100) terus meningkat dengan sederhana sebanyak 10.1% pada bulan November (12.1% pada bulan Oktober), disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang sederhana dalam harga minyak sawit mentah. Tidak termasuk produk berkaitan komoditi, IHPR bukan komoditi meningkat pada kadar tahunan 2.1% (2.4% pada bulan Oktober).



Kadar pertumbuhan tahunan IHPR terus meningkat dengan sederhana


Agregat monetari terus berkembang

Wang secara kecil, M1, meningkat pada kadar tahunan 11.9% pada bulan Disember (11.7% pada bulan November) mencerminkan perbelanjaan pengguna yang mapan ketika musim perayaan pada akhir tahun. Begitu juga, wang secara luas, M3 terus meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 12.4% (10.3% pada bulan November), mencerminkan pinjaman yang lebih tinggi yang dikeluarkan kepada sektor swasta oleh sistem perbankan serta peningkatan yang berterusan dalam rizab antarabangsa bersih.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Okt 04	**Nov 04**	**Dis 04**	**Jan - Dis 04**
M3	6.6	6.0	13.3	68.2
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-1.7	-0.2	0.7	-11.9
Tuntutan ke atas sektor swasta	0.0	0.7	3.3	30.2
Pinjaman	*1.7*	*3.1*	*6.6*	*39.9*
Sekuriti	*-1.7*	*-2.3*	*-3.3*	*-9.6*
Operasi luar negeri bersih *	11.0	11.7	8.1	82.2
Pengaruh lain	-2.7	-6.2	1.2	-32.4

* Sebelum penilaian semula



Deposit sistem perbankan meningkat

Pada bulan Disember, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan terus meningkat sebanyak RM14.5 bilion dengan mencatat kadar pertumbuhan tahunan 12.7%. Sebahagian besar daripada peningkatan tersebut disebabkan terutamanya oleh penyimpanan deposit yang lebih tinggi daripada peniaga tempatan dalam bentuk deposit tetap, NID, deposit SPI serta repo, dan deposit individu dalam bentuk tabungan dan deposit tetap.

Deposit Mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Okt 04	**Nov 04**	**Dis 04**	**Jan - Dis 04**
Kerajaan Persekutuan	-365	765	-373	-28
Kerajaan Negeri	-171	-210	-58	251
Badan Berkanun [1]	-539	-980	1,565	-2,765
Institusi Kewangan	-784	3,634	1,636	16,365
Perusahaan Perniagaan	3,032	2,909	6,735	31,737
Individu	1,550	2,486	4,076	20,299
Lain-lain [2]	645	821	880	4,497
Jumlah	3,368	9,426	14,461	70,355

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing


Deposit Mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Okt 04	**Nov 04**	**Dis 04**	**Jan - Dis 04**
Deposit tetap	-2,445	-2,079	3,733	13,598
NID	-189	1,773	2,231	11,101
Deposit permintaan	-88	3,008	2,190	8,026
Deposit tabungan	138	976	1,799	4,563
Perjanjian beli balik (Repo)	3,882	4,293	1,845	14,852
Deposit mata wang asing	697	-470	24	2,976
Deposit SPI	1,734	1,845	2,370	12,775
Lain-lain	-362	81	269	2,465
Jumlah	3,368	9,426	14,461	70,355

Pembiayaan kepada sektor swasta teguh pada bulan Disember

Sebagai mencerminkan aktiviti ekonomi yang kukuh dan keyakinan pengguna dan sektor perniagaan yang bertambah baik, permintaan terhadap pembiayaan oleh sektor perniagaan dan isi rumah meningkat lagi pada bulan Disember. Jumlah pembiayaan kasar sistem perbankan dan pasaran modal kepada sektor swasta meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 8.3% kepada RM52.1 bilion pada bulan Disember. Peningkatan tersebut didorong oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor perniagaan dan isi rumah pada bulan tersebut. Pada asas bersih, jumlah pembiayaan kepada sektor swasta (pinjaman sistem perbankan dan

PDS terkumpul) meningkat sebanyak RM8.4 bilion pada bulan Disember, dengan mencatat kadar pertumbuhan tahunan 9% (RM5.6 bilion atau 8.3% pada akhir bulan November).



Pembiayaan kasar sektor swasta lebih tinggi pada bulan Disember


Kesemua penunjuk pinjaman menunjukkan pertumbuhan yang lebih tinggi pada bulan Disember. Berdasarkan asas tahunan, permohonan pinjaman, kelulusan pinjaman dan pengeluaran pinjaman masing-masing meningkat sebanyak 16%, 8.6% dan 12.6%. Bagi tahun 2004 secara keseluruhan, permohonan pinjaman, kelulusan pinjaman dan pengeluaran pinjaman adalah lebih tinggi berbanding dengan tahun 2003. Ini jelas menunjukkan aktiviti ekonomi yang bertambah kukuh. Permintaan yang lebih tinggi terhadap pembiayaan jangka panjang telah meningkatkan jumlah pinjaman terkumpul sebanyak RM6.9 bilion pada bulan Disember atau kadar kenaikan tahunan sebanyak 8.5% (6.7% pada akhir bulan November).

Pada bulan Disember, terdapat peningkatan yang meluas dalam pinjaman kepada sektor perniagaan yang meningkat sebanyak RM34.7 bilion atau kadar kenaikan tahunan sebanyak 13.4% (RM30.5 bilion atau 24.5% pada bulan November). Permintaan yang lebih tinggi terhadap pembiayaan bank oleh sektor perniagaan turut merangkumi permohonan dan kelulusan pinjaman, yang meningkat lagi pada bulan Disember. Apa yang nyata ialah pinjaman terkumpul sektor perniagaan yang agak lembap semenjak tahun 2001, mencatat pertumbuhan 2.6% pada akhir bulan Disember.


Sementara itu, permintaan PKS terhadap pembiayaan bank bertambah dengan nyata pada bulan Disember dengan kesemua penunjuk utama pinjaman mencatat pertumbuhan yang pesat. Permohonan pinjaman PKS meningkat dengan nyata sebanyak 49.5% pada asas tahunan. Begitu juga dengan kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada PKS yang masing-masing meningkat dengan lebih tinggi pada kadar tahunan 41.4% dan 12.9%, dengan RM3.2 bilion diluluskan bagi 7,535 akaun PKS dan RM10.4 bilion telah dikeluarkan. Bagi tahun 2004 secara

keseluruhan, sebanyak RM31.6 bilion telah diluluskan bagi 92,161 akaun PKS, sementara RM100.4 bilion telah dikeluarkan. Berikutan itu, jumlah pinjaman terkumpul PKS meningkat lagi sebanyak RM1.4 bilion atau kadar kenaikan tahunan 7.7% pada akhir bulan Disember. Hasilnya, akaun pinjaman PKS mencakupi bahagian jumlah pinjaman terkumpul perniagaan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 40.3% serta 17.2% daripada jumlah pinjaman pada akhir bulan Disember (masing-masing 38.4% dan 17.3% pada akhir tahun 2003).

Di sektor isi rumah, permintaan terhadap pinjaman kekal kukuh dan meningkat sebanyak RM3 bilion pada bulan Disember, mencerminkan penggunaan yang kekal mapan tatkala jangkaan yang lebih baik terhadap pekerjaan dan pendapatan. Pinjaman yang dikeluarkan kepada isi rumah bertambah sebanyak 15.9% pada kadar tahunan, sementara permohonan dan kelulusan pinjaman isi rumah masing-masing tumbuh pada kadar tahunan 17.4% dan 13.8%. Berikutan itu, pinjaman terkumpul sektor isi rumah berkembang sebanyak 14.4% pada asas tahunan.




Pinjaman yang dikeluarkan nyata lebih tinggi pada bulan Disember




Pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi merangkumi sektor yang meluas.

Lebih banyak dana diperoleh daripada pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi pada bulan Disember iaitu sebanyak RM5.7 bilion. Kebanyakan dana tersebut diterbitkan di pasaran bon oleh sektor awam melalui terbitan baru MGS5/04 dan pembukaan semula MGS2/88. Terbitan baru PDS, terutamanya oleh syarikat pembinaan dan pengangkutan, bernilai RM2.7 bilion. Dana-dana ini digunakan terutamanya bagi pembiayaan semula serta pembiayaan aktiviti yang baru. Setelah mengambil kira penebusan semula yang tinggi sebanyak RM2.6 bilion, pasaran PDS mencatat dana bersih yang lebih rendah sebanyak RM158 juta. Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti bernilai RM523 juta. Sepuluh buah syarikat baru, terutamanya dalam sektor teknologi, telah disenaraikan.



Pada bulan Disember 2004, Indeks Komposit BSKL ditutup lebih rendah pada 907.43 mata (↓1.1% semenjak akhir bulan November) dengan permodalan pasaran bernilai RM722.04 bilion (↓0.1% semenjak akhir bulan November). Aktiviti pasaran adalah secara bermusim lebih rendah dengan purata urus niaga harian pada 462.83 juta unit pada bulan Disember (542.97 juta unit pada bulan November).




IK BSKL bertambah baik pada bulan Januari

Bagi tempoh 1-27 Januari 2005, IK BSKL ditutup lebih tinggi pada 919.95 mata pada 27 Januari (+1.4% semenjak akhir bulan Disember). Permodalan pasaran adalah lebih tinggi pada RM734.22 bilion (+1.7% semenjak akhir bulan Disember) sementara purata urus niaga harian semasa tempoh tersebut adalah 572.3 juta unit.

Rizab antarabangsa terus meningkat

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat lagi pada bulan Disember kepada RM253.5 bilion (AS$66.7 bilion) pada 31 Disember 2004. Kenaikan sebanyak RM14.3 bilion (AS$3.8 bilion) pada bulan tersebut disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan, pelaburan langsung asing yang lebih tinggi serta aliran masuk dana portfolio. Aliran keluar pula mencerminkan terutamanya bayaran yang lebih tinggi untuk import barangan dan perkhidmatan serta penghantaran balik keuntungan dan dividen akhir tahun. Paras rizab juga telah mengambil kira keuntungan penilaian semula tukaran asing suku tahunan berjumlah AS$2.6 bilion. Pada 15 Januari 2005, rizab meningkat lagi kepada RM254.2 bilion (AS$66.9 bilion). Paras rizab ini cukup untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan adalah 5.8 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Permodalan bank kukuh berikutan kualiti aset yang bertambah baik


Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras bagi sistem perbankan kekal kukuh, masing-masing pada 13.7% dan 10.7%. Kualiti aset juga bertambah baik, dengan nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan terus menurun kepada 5.9% pada akhir bulan Disember 2004, paras paling rendah pasca krisis kewangan Asia tahun 1997.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh							
	1999	2000	2001	2002	2003	Okt 04	Nov 04	Dis 04
Modal (%)								
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.0	10.9	10.7
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	13.8	13.7	13.7
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	8.1	7.4	6.8	6.0	6.1	5.9
Jumlah (RM juta)	23,856	24,760	32,833	31,502	30,766	28,964	29,382	29,066
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7


* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk institusi perbankan Islam.

Penunjuk Kekukuhan Modal



RWCR kekal pada 13.7% dan nisbah modal teras turun sedikit kepada 10.7%

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6 bulan) jatuh kepada 5.9%

28 Januari 2005
Bank Negara Malaysia

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Okt 04		Nov 04		Dis 04	
		Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		50.0	12.3	49.0	2.8	50.1	10.0
M1		109.3	13.5	111.4	11.7	114.3	11.9
M2		503.3	21.0	518.9	22.6	534.2	25.4
M3		598.6	10.7	604.5	10.3	617.8	12.4
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		600.3	10.3	609.7	10.9	624.2	12.7
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		504.4	6.4	507.1	6.7	514.0	8.5
Nisbah pinjaman-deposit (%)		80.0		79.3		78.6	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		89.8		88.7		87.6	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		24.1	23.8	21.5	24.6	22.1	16.0
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		15.5	15.6	12.7	11.8	15.4	8.6
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		41.5	-0.1	43.3	21.3	48.9	12.6
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		40.8	-1.6	40.7	14.0	42.0	-8.0
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)		13.8		13.7		13.7	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)		6.0		6.1		5.9	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM (bilion)		225.9		239.2		253.5	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)		59.5		63.0		66.7	
Bilangan bulan import tertangguh		7.3		7.6		8.0	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (KDS)		2.70		2.70		2.70	
Antarabank:	Semalaman	2.68 [2.69]		2.67 [2.69]		2.69 [2.69]	
	Seminggu	2.70 [2.72]		2.70 [2.71]		2.72 [2.71]	
	1 bulan	2.78 [2.79]		2.78 [2.78]		2.77 [2.77]	
	3 bulan	2.82 [2.82]		2.80 [2.80]		2.80 [2.80]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.00	
	3 bulan	3.00		3.00		3.00	
BLR bank perdagangan		5.98		5.98		5.98	
ALR bank perdagangan		6.01		5.97		5.98	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		106.8	2.1	107.0	2.2	107.2	2.1
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		157.8	12.1	158.0	10.4	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Euro		4.8431		5.0379		5.1729	
Paun Sterling		6.9607		7.1786		7.3169	
100 Yen Jepun		3.5800		3.6834		3.7026	
Dolar Singapura		2.2868		2.3147		2.3258	
100 Baht Thai		9.2672		9.6044		9.7636	
100 Peso Filipina		6.7451		6.7652		6.7706	
100 Rupiah Indonesia		0.0418		0.0421		0.0408	
100 Won Korea		0.3389		0.3627		0.3671	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh dari sektor:	awam	2.2		...		5.0	
	swasta	4.2		3.0		0.7	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		861.1		917.2		907.4	
Nilai pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		674.3		723.0		722.0	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti swasta (PDS) oleh sistem perbankan ke atas deposit sistem perbankan.